

NO. SOALAN: 366

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 16 Mei 2016

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA , KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kesediaan Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menyediakan program latihan bagi melahirkan Pembantu Rumah dan Pengusaha dan Pengasuh TASKA yang mahir dalam mengurus kanak-kanak dan faham langkah bantu mula, keselamatan dan kesihatan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, terdapat pelbagai pihak yang menawarkan skim latihan pembantu rumah termasuklah agensi Kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia melalui program "House Keeper" dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu melalui Program Pengurus Kediaman dan juga pihak swasta melalui latihan pembantu rumah di institusi latihan masing – masing.

Pihak Kerajaan melalui KPWKM menyediakan Program Home Managers (HM) sebagai sebahagian inisiatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing sebagai pembantu rumah. HM merupakan suatu program komprehensif yang bertujuan memperkasakan perkhidmatan dalam bidang pencuci rumah, penjagaan kanak-kanak dan orang tua, penjagaan kesihatan, penjagaan transit dengan seterusnya menawarkan pendapatan yang lebih tinggi. Program tersebut akan dilaksanakan semula pada tahun ini dengan menggunakan pendekatan kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan seperti Kolej Komuniti, NGO dan juga

pihak swasta bagi meningkatkan keberkesanan dan mengurangkan kos pelaksanaan program.

KPWKM sememangnya mengalu-alukan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak bagi melahirkan Pengurus Kediaman yang mahir dalam mengurus kanak-kanak dan faham langkah bantu mula, keselamatan dan kesihatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

SOALAN : 367

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci kejayaan MIROS dalam membantu meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan. MIROS berperanan sebagai *one stop centre* untuk penjanaan, penghasilan dan penyebaran ilmu serta maklumat berkaitan keselamatan jalaran raya. Penubuhannya juga adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan merangka dasar-dasar dan program-program keselamatan jalan raya dan menangani isu keselamatan jalan raya berasaskan kepada hasil kajian dan penyelidikan saintifik.

Setakat ini, beberapa dasar dan intervensi keselamatan jalan raya di Malaysia telah dilaksanakan berdasarkan hasil kajian saintifik MIROS. Antaranya adalah seperti berikut:

- (a) penguatkuasaan penggunaan tali pinggang keledar belakang;
- (b) penguatkuasaan pematuhan teknikal kenderaan berdasarkan piawaian antarabangsa *United Nation*;

- (c) pelaksanaan dasar untuk meningkatkan standard penghadang jalan (*guardrail*) dari *Test Level* (TL) 2 kepada TL3-TL6;
- (d) pelaksanaan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (*Safety, Health and Environment*) bagi sektor pengangkutan;
- (e) pelaksanaan kurikulum latihan memandu baharu berdasarkan *outcome based*;
- (f) pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah rendah dan menengah; dan
- (g) program berteraskan komuniti untuk topik keledar keselamatan.

Selain itu, dalam menyumbang kepada usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, MIROS juga menjalankan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi seperti berikut:

(a) **Pembangunan Pangkalan Data Rekonstruksi Kemalangan**

Dalam usaha mengenalpasti punca-punca kemalangan dan juga langkah-langkah untuk mengurangkan bilangan kematian dan kecederaan serius, MIROS menjalankan siasatan terperinci atas kes-kes kemalangan jalan raya berprofil tinggi dan mengusulkan cadangan kepada Kerajaan untuk penambahbaikan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya;

(b) **Pogram International Road Assessment Program (iRAP) dan Audit Keselamatan Jalan Raya**

Dalam memastikan rekabentuk dan pembinaan jalan di Malaysia adalah selamat, MIROS menjalankan pengauditan keselamatan jalan dari semasa ke semasa. Laporan audit dengan cadangan penambahbaikan dibentangkan kepada pihak berkuasa jalan raya yang berkaitan untuk tindakan susulan;

(c) **Program Penilaian Kereta Baru Asia Tenggara (ASEAN New Car Assessment Programme, NCAP)**

Dalam usaha untuk mendapatkan data yang boleh digunakan untuk penyelidikan dan advokasi, MIROS telahpun menjalankan ujian pelanggaran terhadap 50 kenderaan dan telah menjana 71 penarafan bintang kenderaan dan seterusnya

menyalurkan maklumat terhadap tahap keselamatan kenderaan kepada pengguna secara terus dan telus;

(d) ***ASEAN Road Safety Centre***

MIROS juga pada tahun 2014 telah dilantik oleh negara-negara ASEAN sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya ASEAN untuk menyelaras aktiviti-aktiviti keselamatan jalan raya di ASEAN.